

## **ORANG ASLI PANTOS BAKAL NIKMATI PEMBANGUNAN EKONOMI BAHARU**

**KUANTAN, 25 JUN 2021:** Kerajaan Pahang menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri kelmarin (23 Jun 2021) telah meluluskan cadangan merizabkan 510.6 hektar atau 1,261.7 ekar Tanah Kerajaan bagi Maksud Awam di Kampung Pantos, Mukim Hulu Jelai, Lipis.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, cadangan perizaban ini ialah di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN) (Akta 828) di mana tujuannya antara lain untuk menjadikan sebahagian daripada kawasan rizab ini sebagai tapak projek ekonomi baharu bagi Orang Asli terlibat.

Beliau berkata, projek ekonomi baharu yang dimaksudkan ialah cadangan penanaman pokok durian bermutu tinggi yang bakal dimajukan secara usaha sama oleh syarikat milik Kerajaan Negeri, dengan swasta.

“Manfaat terus yang akan diperolehi oleh Orang Asli di kawasan ini kelak berupa dividen atau keuntungan daripada pengusahahasilan oleh syarikat usaha sama berkenaan.

“Ada 352 keluarga dan 1,940 orang penduduk Orang Asli yang sudah pun lama menetap dalam kawasan yang bakal dirizabkan ini. Dalam kawasan sama telah pun wujud projek ekonomi yang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) majukan dengan tanaman kelapa sawit dan getah, dan dimanfaati Orang Asli menerusi penerimaan dividen atau keuntungan,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook beliau, hari ini.

Beliau juga berkata, dengan kelulusan yang MMK beri kepada cadangan perizaban ini beliau percaya, ia akan memberi manfaat serampang dua mata kepada penduduk Orang Asli terlibat iaitu aspek jaminan kawasan penempatan dan projek-projek ekonomi yang memanfaatkan mereka. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#PahangGo**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



**KERAJAAN NEGERI LULUS CADANGAN PERIZABAN 510.6 HEKTAR BAGI KAMPUNG ORANG ASLI PANTOS, MUKIM HULU JELAI, LIPIS**

“ Kerajaan Negeri menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri semalam, telah meluluskan cadangan merizabkan 510.6 hektar (1,261.7 ekar) Tanah Kerajaan bagi Maksud Awam di Kampung Pantos, Mukim Hulu Jelai, Lipis.

Dengan kelulusan yang MMK beri kepada cadangan perizaban ini saya percaya, ia akan memberi manfaat serampang dua mata kepada penduduk Orang Asli terlibat iaitu aspek jaminan kawasan penempatan dan projek-projek ekonomi yang memanfaatkan mereka, In Sya Allah.”

**YAB Dato' Sri Hj Wan Rosdy Bin Wan Ismail  
Menteri Besar Pahang**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#ThisIsPahang**



wanrosdy.com



Wan Rosdy Bin Wan Ismail



wanrosdyofficial

